

27 NOV 1999

Mahathir-Pas

PAS UGUT ORANG ISLAM UNTUK DAPAT SOKONGAN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas mengamalkan cara mengugut untuk mendapatkan sokongan rakyat dan undi dalam pilihan raya.

Katanya, parti itu menakut-nakutkan masyarakat Islam dengan ugutan untuk memulau majlis-majlis agama jika tidak menyertai Pas dan tidak menyokongnya.

"Pas tidak pentingkan sama sekali nasib orang Melayu, mereka pentingkan undi sahaja," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Naka, dekat sini, malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata Pas tidak sama dengan parti-parti politik lain dalam sistem demokrasi kerana ia mengasingkan sama sekali para anggotanya daripada parti-parti lain.

Sebagai contoh, Pas mengasingkan dirinya daripada Umno sehinggakan dalam urusan solat dan kematian dibuat secara berasingan, katanya.

Dr Mahathir berkata, Pas menggunakan taktik mengugut rakyat yang menyokong Barisan Nasional (BN) supaya menyokong parti itu.

Katanya Pas cuba menghasut penyokong Umno dan BN semata-mata untuk mendapatkan undi.

"Pas menyatakan Umno tak cukup Islam, saya nak tahu siapa beri hak kepada parti itu untuk berkata demikian," katanya.

Pas berbuat demikian bertujuan cuba mengasingkan orang Umno dengan orang Pas untuk mendapat manfaat politik.

Beliau berkata sepatutnya daripada segi politik, Pas dan Umno adalah berbeza tetapi daripada segi agama, kedua-dua penyokong parti berkenaan adalah orang Islam dan oleh itu mereka seharusnya bekerjasama dan tidak berpecah belah sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata, ada orang yang bersimpati kepada Umno tetapi kerana takut dengan ugutan Pas mereka hanya menyokong dari jauh sahaja.

Pas menolak ajaran Islam dan menolak persaudaraan Islam sehingga sanggup bekerjasama dengan syaitan, kata beliau.

"Kalau Pas mendapat sokongan dalam pilihan raya ini, berpecah lagilah umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno adalah sebuah parti Islam tetapi ia tidak perlu menggunakan nama Islam untuk menonjolkan imej Islamnya.

Pas menggunakan Islam untuk kepentingan politik, sebagai contoh, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat pada mula-mulanya dahulu tidak mahu menggunakan kereta Mercedes Benz dan menduduki rumah kediaman rasminya di Kota Bahru tetapi lama-kelamaan beliau merasai "sedap pula" dan terus menggunakan kedua-dua kemudahan itu sehingga ke hari ini, kata beliau.

-- BERNAMA

TM AKD